

UNTUK SIARAN SEGERA

Peningkatan Dua Kali Ganda Dalam Jumlah Ahli Baru yang Menyimpan Melalui PRS Online PPA


Penerima-penerima ganjaran peraduan pendaftaran atas talian PPA menjelaskan bahawa tahun yang mencabar dan pilihan atas talian merupakan faktor yang mendorong mereka memulakan simpanan untuk masa depan.



Petaling Jaya (29 Jan 2021): Pada zaman sekarang di mana penggunaan dan permintaan terhadap e-dagang, perkhidmatan penstriman dan storan awan semakin meluas, lebih ramai yang mula beralih kepada perkhidmatan atas talian bagi membuat simpanan persaraan mereka. Pada tahun 2020, jumlah Ahli baru yang telah membuka akaun Skim Persaraan Swasta (PRS) menerusi perkhidmatan PRS Online yang dibina oleh Private Pension Administrator Malaysia (PPA) - pentadbir pusat untuk PRS, telah meningkat sebanyak dua kali ganda berbanding dari tahun sebelumnya.

"Sama ada mencarum dengan perkhidmatan PRS Online PPA atau menerusi salah satu daripada lapan Penyedia PRS, adalah sangat menggembirakan apabila melihat lebih ramai rakyat Malaysia yang memilih PRS sebagai salah satu portfolio simpanan persaraan mereka," kata Husaini Hussin, Ketua Pegawai Eksekutif PPA. "Peraduan pendaftaran atas talian 'Jom PRS, Get Treats' pada tahun lalu telah diadakan untuk memberi lebih dorongan buat rakyat Malaysia untuk menyimpan, selain daripada peningkatan penggunaan teknologi kewangan, atau 'fintech' yang dilihat sebagai suatu trend yang menggalakkan."

Kepentingan Menyimpan



Gambar 1: Chan Yi Hui, Penerima Hadiah Utama


Penerima Hadiah Utama, Chan Yi Hui, yang membawa pulang RM3,000 dalam unit PRS, menjelaskan bahawa situasi tahun lalu menimbulkan kesedaran dan peringatan agar sentiasa memiliki simpanan yang mencukupi. "Anda tidak akan tahu apa yang akan terjadi pada masa depan, oleh demikian adalah sangat penting untuk kita bersedia dari sekarang dengan mengenepikan sejumlah wang daripada pendapatan," kata Chan, seorang yang menyimpan secara agresif dengan memperuntukkan 30-50% daripada pendapatan bulanannya untuk tujuan simpanan.

Sentimen ini juga turut dikongsikan oleh penerima Hadiah Kedua Kho Wen Lin dan penerima Hadiah Ketiga Lai Pei Yee, yang menerima ganjaran sebanyak RM2,000 dan RM1,000 setiap seorang di dalam simpanan PRS mereka. Mereka menyatakan bahawa pengalaman mengharungi situasi pandemik ini membuatkan mereka lebih berhati-hati dengan pengurusan kewangan peribadi mereka. Walau bagaimanapun Perintah Kawalan Pergerakan ini juga telah secara tidak langsung telah meningkatkan kapasiti mereka untuk menambah simpanan.

"Disebabkan pandemik, saya telah mengurangkan perbelanjaan pengangkutan, makan di luar dan penginapan di hotel kerana tiada peluang untuk melancong," kata Kho, seorang yang mengimpikan suatu persaraan yang selesa di mana Dana simpanan beliau kelak akan menjana pendapatan pasif untuk membayai perbelanjaannya. "Jadi saya memutuskan untuk menyimpan wang lebihan itu dalam PRS."

Penjimatan Tambahan menerusi Pengecualian Cukai PRS

Selain daripada memiliki dana tambahan untuk simpanan serta perkhidmatan PRS Online yang mudah, selesa dan selamat, setiap penerima ganjaran utama juga menyatakan bahawa Pengecualian Cukai PRS oleh kerajaan juga adalah faktor yang menggalakkan mereka menyimpan dengan PRS. Chan misalnya, telah membuat pengiraan sendiri dan menyedari kelebihan faedah cukai ini. Bagi Kho, beliau melihat pengecualian cukai sebagai satu cara yang baik untuk menambah simpanan masa depan. Manakala untuk Lai pula, beliau memutuskan untuk mengenepikan jumlah peningkatan gaji beliau tahun lalu dengan menyimpan dalam PRS bagi mendapat lebih pengecualian cukai untuk dirinya.



*Gambar 2: Kho Wen Lin,
Penerima Hadiah Kedua*

Pengecualian Cukai PRS sehingga RM3,000 setahun akan terus memberikan kelebihan buat para pencarum untuk tahun-tahun akan datang, di mana pengecualian ini telah dilanjutkan sehingga 2025. Untuk mendapatkan ilustrasi terperinci mengenai penjimatan cukai yang boleh anda perolehi melalui Pengecualian Cukai PRS, layari laman web PPA di <https://www.ppa.my/ms/prs-tax-relief>

Prestasi Dana PRS



*Gambar 3: Lai Pei Yee, Penerima
Hadiah Ketiga*

Pada masa akan datang, Lai memberitahu bahawa beliau akan memantau prestasi Dana PRS setiap beberapa bulan. "Saya memilih Dana yang mempunyai jangkaan pulangan dan risiko yang tinggi kerana saya masih muda," kata Lai, yang pertama kali diperkenalkan kepada PRS melalui rakan-rakannya dan beliau juga tidak akan teragak-agak untuk mengesyorkan skim ini kepada mana-mana ahli keluarga atau sahabat-handai yang ingin menambah simpanan untuk masa depan mereka.

Berikut merupakan gambaran bagaimana prestasi Dana PRS pada tahun 2020 mengikut kategori, serta pulangan tahunan sejak diperkenalkan:

Kategori Dana PRS	Pulangan Jan – Dis 2020	Pulangan Tahunan sejak diperkenalkan
Konservatif	13.80 %	4.71 %
Sederhana	22.05 %	7.01 %
Pertumbuhan	31.22 %	7.92 %
Bukan Teras Pertumbuhan	23.36 %	11.54 %
Bukan Teras Patuh Syariah	39.31 %	10.05 %

Sumber: Morningstar – setakat 31 Dis 2020

Di samping 3 Hadiah Utama, 120 orang Ahli PRS baru dan 23 orang Ahli yang bertindak selaku perujuk telah menerima ganjaran bulanan PRS Treats bernilai RM100 dalam unit PRS sepanjang enam bulan tempoh peraduan "**Jom PRS, Get Treats**" ini diadakan. Setiap bulan, 20 ganjaran PRS Treats telah diberikan secara cabutan bulanan kepada individu yang membuka akaun menerusi PRS Online serta menjawab tiga buah soalan yang telah dikemukakan. Setiap pendaftaran baru sepanjang tempoh peraduan ini kemudiannya layak secara automatik untuk menyertai Cabutan Utama PRS Treats bagi mendapatkan Hadiah Utama, Hadiah Kedua dan Hadiah Ketiga.

Sebagai skim sukarela yang dikawal selia oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, industri PRS tetap berdaya tahan walaupun dalam tahun yang mencabar ini. Pertumbuhan Ahli PRS baru meningkat sebanyak 25% dari tahun sebelumnya, manakala jumlah Nilai Aset Bersih (NAB) pula mencatatkan kenaikan sebanyak lebih 37% kepada RM4.8billion dalam tempoh yang sama. Bagi terus memacu momentum ini, rakyat Malaysia bakal melihat lebih banyak penulisan dan kandungan berkaitan pendidikan kewangan, webinar PRS dan kempen-kempen menarik daripada PPA pada tahun ini.

- TAMAT -

Mengenai PPA

Private Pension Administrator Malaysia (PPA) adalah pentadbir pusat untuk Skim Persaraan Swasta (PRS). PPA adalah badan yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan ditubuhkan untuk mentadbir dan mempromosikan pertumbuhan industri PRS.

Peranan penting PPA adalah untuk menguruskan akaun berpusat seumur hidup bagi Ahli PRS. PPA secara berterusan menekankan kepentingan membuat simpanan persaraan melalui PRS dengan menjadi pusat sumber sehenti untuk orang ramai mengenai pendidikan persaraan dan PRS di Malaysia. Ini termasuklah pelaksanaan inisiatif tambah nilai seperti program pemasaran untuk memberikan kesedaran kepada orang ramai, selain kerjasama dengan badan berkepentingan yang meliputi universiti, media dan agensi kerajaan bagi menggalakkan rakyat Malaysia untuk menyimpan lebih banyak untuk masa depan dengan PRS. Perkhidmatan PRS Online yang dibangunkan oleh PPA membolehkan orang ramai dan Ahli PRS untuk mendaftar dan menambah caruman PRS mereka melalui komputer dan peranti pintar dengan mudah, selesa dan selamat.

Mengenai PRS

Skim Persaraan Swasta (PRS) adalah skim simpanan dan pelaburan sukarela jangka panjang yang direka untuk membantu rakyat Malaysia menyimpan lebih banyak untuk persaraan mereka. PRS berusaha untuk meningkatkan pilihan bagi semua rakyat Malaysia sama ada bekerja atau bekerja sendiri untuk menambah simpanan persaraan mereka di bawah persekitaran yang tersusun dan dikawal selia. Terdapat lapan Penyedia PRS yang menawarkan 57 pilihan dana persaraan, di mana individu boleh memilih untuk melabur berdasarkan keperluan persaraan, matlamat dan tahap risiko mereka sendiri. Opsyen dana di bawah PRS adalah bertujuan untuk meningkatkan pulangan jangka panjang untuk Ahli dalam rangka kerja yang dikawal selia. Rakyat Malaysia mempunyai pilihan untuk menyimpan di PRS melalui pelbagai saluran seperti PRS Online, Penyedia PRS dan hampir 25,000 Perunding PRS.

PRIVATE PENSION ADMINISTRATOR MALAYSIA (PPA)

Talian Media:

Serena Lim, Head of Marketing and Communication | serena.lim@ppa.my
